

**Mahathir bertanya kepada rakyat**

---

**Apakah kita  
mahu menteri  
suka sogok?**

## **K**UALA BERANG 19 Mei - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini bertanya kepada rakyat "apakah kita mahu menteri kita terdiri dari orang yang suka sogok itu dan ini kepada rakyat?"

Sambil menjawab sendiri "sudah tentu tidak," Datuk Sri Dr. Mahathir berkata "kita mahu menteri yang cekap dan amanah, tetapi kalau kita pilih pemimpin yang sudah tak bersih, sudah tentu kerajaan akan jadi kotor.

"Akhirnya negara akan jadi buruk dan rakyat akan menerima akibat dan padahnya," katanya.

Berucap merasmikan perwakilan UMNO bahagian Hulu Terengganu di Dewan Bandaran di sini beliau mengajak ahli-ahli UMNO di seluruh negara supaya menolak sebarang sogokan yang berupa "rasuah" dalam sebarang pemilihan jawatan di semua peringkat.

Beliau menambah, sekiranya perbuatan tersebut dibiarkan, ia boleh menghancurkan UMNO kerana pemilihan hasil sogokan wang dan sebagainya adalah sama juga seperti rasuah yang kita tahu akan bawa akibat buruk.

"Kalau kita tak suka rasuah jangan amalkan, baik sebagai pemberi atau penerima dan kalau kita sanggup menjualkan undi dengan bayaran sekian banyak, UMNO merupakan parti yang boleh dibeli.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad, Timbalan Menteri Buruh, Haji Zakaria Abdul Rahman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Yusof Nor dan ahli-ahli Exco kerajaan negeri.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO, menimbulkan contoh yang beliau mendapat tahu, ada seorang pemimpin terpaksa membelanjakan wang lebih \$600,000 untuk jawatan ketua bahagian, begitu juga lawannya.

Bagaimanapun, bila ditanya mereka yang terlibat, masing-masing memberi jawapan yang sama bahawa, perkara itu, adalah tidak benar.

"Sebaliknya, mereka tuduh lawan masing-masing mengeluarkan belanja tersebut," katanya.

Apa yang menarik, tambahnya, ada pula setengah pemimpin sanggup menghantar penyokong mereka ke Medan, Tokyo dan lain-lain negara termasuk menunaikan haji secara percuma.

Mengenai saranan beberapa pihak kerana tidak mengambil tindakan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata,

**LIHAT MUKA 6**

## **Apakah kita mahu menteri suka sogok?**

"Apakah saya akan menjadi hakim atau majlis tertinggi membuat keputusan, sedangkan perkara ini perlu mendapat sokongan semua ahli.

"Sebagai presiden parti, saya boleh bertindak, kalau semua ahli memberi sokongan bagi menghapuskan perbuatan ini, tetapi ahli-ahli UMNO sendiri jangan pula dipengaruhi oleh sogokan rasuah."

Beliau berkata, sebagai manusia waras, apakah ahli-ahli UMNO sanggup membelakangkan parti, bangsa dan agama semata-mata kerana kepentingan satu orang yang telah berbelanja sedikit kepada mereka.

Perdana Menteri mahu ahli-ahli UMNO supaya menolak orang yang cuba melibatkan diri dalam rasuah, "kerana kalau mereka mula merasuah di peringkat cawangan dan bahagian, kalau jadi pemimpin kerajaan, kita akan mempunyai pemimpin terbuka kepada rasuah."

Perdana Menteri juga turut mengingatkan supaya sebarang tidak puashati atau krisis yang berlaku dalam parti janganlah dibawa ke mahkamah.

Tegasnya, perkara yang berlaku dalam parti hendaklah dirujuk dan diselesaikan secara politik menerusi ibu pejabat parti, kerana mahkamah hanya boleh menyelesaikan di segi undang-undang sahaja.

Beliau berkata, tindakan membawa kes ke mahkamah juga akan memberi kesan terhadap perpecahan parti dan berikutan dengan ini beliau mahu, jika terdapat sebarang perselisihan yang wujud, cara yang sebaik-baiknya dibuat melalui perundingan.

Datuk Sri Dr. Mahathir selanjutnya mengingatkan ahli, supaya lebih mementingkan perpaduan dan kekuatan parti, "kerana pemimpin tidak penting, pemimpin yang buruk sekalipun jika ahli bersatu dapat mewujudkan kekuatan, tetapi jika pemimpin yang bergeliga, sedangkan ahli berpecah-belah dan tidak bersatupun tidak ada gunanya."

"Sebab itulah kita mesti peringati diri kita semasa pemilihan mesti mengutamakan kepentingan parti demi melindungi kepentingan bukan sahaja, orang Melayu malah bangsa dan agama," tegasnya.